

SYAIR MA'RIFAT: MENCANAI MUTIARA MEMPERKASA AGAMA

MOHD TAUFIK ARRIDZO MOHD BALWI
Universiti Malaya
taufik@um.edu.my

ABSTRAK

Syair adalah salah satu genre puisi Melayu, rata-rata paduan antara pantun Melayu dengan ruba' ai Parsi. Pada peringkat awal penciptaannya, syair ini menjadi antara wadah politik-dakwah dalam menyampaikan ajaran-ajaran sufi. Salah satu syair tersebut ialah *Syair Ma'rifat* yang dipercayai ditulis Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī. Syair ini menjadi alat politik-dakwah menyampaikan asas-asas panduan kepada seseorang *sālik* yang ingin menjalani kehidupan kesufian untuk sampai ke puncak iaitu *ma'rifatu' Llāh*. Ia juga bermanfaat kepada setiap Muslim yang ingin mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī dalam sejarah Aceh merupakan antara tokoh terpenting yang berkhidmat sebagai *qādī malik al-'qdil* (mufti) kepada pemerintah utama Aceh. Kedudukannya yang tinggi dalam sistem politik Aceh memberi kesan besar kepada pemahaman Islam yang dibawanya. Makalah ini membincangkan kebolehan Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri menggunakan *Syair Ma'rifat* sebagai alat politik-dakwah untuk mengungkapkan ajaran Islam. Ternyata beliau berjaya menggunakan puisi untuk mengungkap asas pengetahuan Islam.

Kata kunci: politik dakwah; perumpamaan; *ma'rifat*; *shahadatayn*; Sifat 20

SYAIR MA'RIFAT: POLISHING PEARL EMPOWERING RELIGION

ABSTRACT

Syair is a genre of Malay poetry created between Malay's pantun and *ruba'ai* in Persian literature. In the early stages of its creation, it was a platform in political-missionary to depict the teachings of sufism. *Syair Ma'rifat* was purportedly written by Shaykh 'Abd al- Ra'uf al-Fansuri. This poem became a political-missionary tool delivering the basics guide to someone who wants to live as sufis who reached the summit of *ma'rifatu' Llāh*. It also beneficial to every Muslim who wants to find happiness in this world and the hereafter. Shaykh ' Abd al-Ra'uf al-Fansuri in the history of Aceh was one of the most important figures who served as the *qadi malik al-'qdil* (mufti) to the Aceh government. His higher position in the Aceh political system was significant on the understanding of Islam that he brought to the people. This article discusses the ability of Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri using *Syair Ma'rifat* as a political-missionary as a tool in explicating the teachings of Islam. Apparently he was able to use poetry to express the basic of Islamic knowledge.

Keywords: political missionary; proverb; *ma'rifat*; *shahadatayn*; 20 attributes of Allah

PENGENALAN

Politik-dakwah (*siyāsāt al-da'wah*) adalah istilah yang merujuk kepada usaha *dā'ī* (pendakwah) menyampaikan dakwah kepada *mad'ū*-nya (sasaran dakwah). Usaha tersebut memerlukan *uslub* (teknik) tertentu, agar yang diseru dapat menerima dakwah tersebut. *Uslub* itulah yang dikaitkan dengan politik atau juga dikenal sebagai *siyāsah*.¹

Para ulama dulu, kini, dan seterusnya, senantiasa berusaha menyampaikan dakwah mereka kepada manusia, sama ada yang Islam atau belum. Seruan kepada yang Islam, dengan harapan memperbaiki hubungan mereka kepada Allah, juga sesama makhluk. Manakala seruan kepada yang belum Islam, semoga mereka menyedari keutamaan mentauhidkan Allah, dan mengakui kerasulan Nabi Muhammad SAW. Termasuk dalam perbincangan ini ialah Shaykh ‘Abd al-Ra’uf al-Fansūrī, yang diiktiraf umat Islam di alam Melayu sebagai salah seorang ulama yang banyak berjasa dalam memberi pemahaman Islam kepada umat sezaman dan selepasnya, sehingga hari ini.

Salah satu tulisannya iaitu *Syair Ma’rifat* adalah antara yang berkesan menyalurkan dakwah kepada orang-orang Islam. Syair ini menjadi alat politik-dakwahnya menjelaskan asas-asas pemahaman Islam. Pengetahuan Islam yang ada dalam diri diumpamakan sebagai mutiara, yang kemudian dicanai² sedemikian rupa dalam bentuk syair, yang akhirnya dinikmati orang lain yang membaca atau mendendangkan syair tersebut. Hasil daripada pembacaan terhadap syair ini meninggalkan kesan positif, iaitu kepada yang tidak tahu menjadi tahu, kepada yang tahu semakin kuat pengetahuan dan keyakinan mereka keyakinan mereka (H. Mohammad Said, 1981: 370-371). Maka terbukti hasil tulisannya memperkasa agama Islam, iaitu pada diri manusia yang membaca, mendendang, dan menghayati seterusnya mengamalkan.

Perkataan mutiara atau dalam bahasa Arab *durr*, digunakan sebagai tajuk beberapa kitab. Antaranya kitab *al-Durr al-Nafīs fī bayān wahdat al-Af’āl wa al-Asmā’ wa al-Ṣifāt wa al-Dhāt dhat al-taqdīs* karangan Al-Shaykh Muhammad Nafīs ibn Idrīs al-Banjārī, yang menyatakan (hlm. 3): “Dan ku namai akan risalah ini *al-Durr al-Nafīs* ertinya Mutiara Yang Indah pada menyatakan *wahdat al-Af’āl wa al-Asmā’ wa al-Ṣifāt wa al-Dhāt dhat al-taqdīs*”, dan kitab *al-Durr al-Thamīn* karangan Al-Shaykh Dāwud bin al-Shaykh ‘Abd Allah al-Faṭānī bermaksud Mutiara Yang Sangat Bernilai. Kedua-dua mutiara ini merujuk kepada ajaran tauhid.

METODOLOGI

Metodologi penyelidikan yang digunakan dalam perbincangan makalah ini adalah kualitatif deskriptif iaitu analisis dokumen, khusus pada naskhah manuskrip yang disimpan di Rijks Universiteit Leiden yang bertanda Oph 78 *Syair Ma’rifat* dalam bentuk mikrofilem.

LATAR BELAKANG SHAYKH ‘ABD AL-RA’UF AL-FANSŪRĪ

Nama penuh Shaykh ‘Abd al-Ra’uf sebagaimana yang dikemukakan dalam kitab *Tafsīr Anwār al-Baydāwī* ialah ‘Abd al-Ra’uf bin Muhammad ‘Ali Fansūrī (t.t.).³ Bapanya dikatakan berasal dari tanah Arab, manakala ibunya berasal dari Fansur @ Barus. Berhubung kelahirannya, Van Hoeve berpendapat beliau dilahirkan pada 1620M, tetapi menurut D.A. Rinkes, Shaykh ‘Abd al-Ra’uf dilahirkan pada tahun 1615M, di Singkel, iaitu satu tempat di wilayah Aceh Selatan (Peunoh Daly, 1994: 15).

Shaykh ‘Abd al-Ra’uf dikatakan meninggal dunia pada tahun 1105H (1693M), dan dikebumikan berdekatan Kuala Sungai Aceh. Di situ juga ditempatkan kubur isterinya dan murid-muridnya. Oleh kerana Shaykh ‘Abd al-Ra’uf dikebumikan di situ, maka tempat tersebut kemudiannya dikenali sebagai Shaykh Di Kuala. Pusaranya menjadi kunjungan utama orang-orang Islam di Aceh sehingga ke hari ini (Azyumardi Azra, 2004: 259).

Shaykh ‘Abd al-Ra’uf mendapat pendidikan bermula di Aceh melalui bapanya dan bapa saudaranya, iaitu Hamzah Fansuri (Peunoh Daly, 1994: 17-18); kemudian menuntut ilmu pula kepada Shaykh Syams al-Dīn al-Sumatra’i @ Pasai (Peunoh Daly, 1994: 18). Selepas

itu, seperti yang dicatat dalam kitabnya, iaitu ‘*Umdat al-Muhtājīn* menuntut ilmu di Timur Tengah dan India untuk tempoh 19 tahun (Riddell, 1990: 230).⁴

Setelah sekian lama di perantaraan menuntut ilmu pengetahuan, pada tahun 1661 Shaykh ‘Abd al-Ra’uf balik semula ke tanah tumpah tercinta, iaitu Aceh. Pada waktu itu Aceh diperintah Sultanah Safiyat al-Dīn Syah (Peunoh Daly, 1994: 20). Tidak lama selepas balik ke Aceh, Shaykh ‘Abd al-Ra’uf dilantik Sultanah Safiyah al-Dīn Syah sebagai *Qādī Malik al-‘Adil* (Mufti) bagi negeri Aceh (Peunoh Daly, 1994: 21). Kemungkinan beliau dilantik kerana namanya yang harum didengar orang-orang yang pulang dari Makkah khususnya tentang ketokohnya dalam ilmu-ilmu Islam.

Tugasnya sebagai *Qādī Malik al-‘Adil* adalah berat, kerana sebelum itu khususnya ketika Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī memegang jawatan *Qādī Malik al-‘Adil*, telah berlaku peristiwa yang sangat menggemparkan di Aceh iaitu tindakan beliau menghukum sesat dan kufur terhadap para pengikut Hamzah Fansuri dan Syams al-Dīn al-Sumatrā’ī, diikuti dengan hukuman bunuh terhadap pengikut-pengikut yang tidak mahu mengubah keyakinan mereka (H. Mohammad Said, 1981: 370-371). Mereka juga telah digolongkan sebagai orang-orang mulhid, zindik dan *ahl al-bid’ah*. Selain itu buku-buku tulisan Hamzah Fansuri telah diarah untuk dikumpul dan dibakar serta dimusnahkan (M. Afif Anshori, 2004: 10) di depan masjid besar Banda Aceh, Bayt al-Rahman. Menurut Nūr al-Dīn al-Rānīrī di dalam *Fath al-Mubīn* (Azyumardi Azra, 2004: 219):

“... dan lagi kata mereka itu, *al-‘alam huwa Allah, huwa al-‘alam*, bahwa alam itu Allah dan Allah itu alam. Setelah sudah demikian itu, maka disuruh raja akan mereka itu membawa taubat daripada iktikad yang kufur itu. Maka dengan beberapa kali disuruh raja jua akan mereka itu membawa taubat, maka sekali-kali tiada ia mahu taubat, hingga berperanglah mereka itu dengan penyuruh raja. Maka disuruh oleh raja bunuh akan mereka itu, dan disuruhnya himpulkan segala kitab karangan guru mereka di tengah medan masjid yang bernama Bayt al-Rahman. Maka disuruh oleh raja tunukan segala kitab itu.”

Shaykh ‘Abd al-Ra’uf berusaha untuk mententeramkan keadaan yang telah bergolak, lantaran itu beliau telah mengulas permasalahan yang timbul, khususnya masalah dalam memahami *Wahdat al-Wujūd* (Oman Fathurahman, 1999). Fahaman Shaykh ‘Abd al-Ra’uf tidak jauh berbeza dengan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, iaitu hakikat alam dan hakikat Allah tidak mungkin bersatu. Sebaliknya menurut Oman Fathurahman (1999: 62), ajaran Hamzah Fansuri “terlalu ekstrim dalam mengemukakan pandangan tentang kesatuan antara manusia dan Tuhan”. Cuma sahaja Shaykh ‘Abd al-Ra’uf tidak tergesa-gesa menghukum Hamzah Fansuri sebagai sesat. Sebaliknya secara tidak langsung beliau tidak bersetuju dengan tindakan Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī yang terlalu keras menghukum pengikut-pengikut Hamzah Fansuri sebagai kafir (Oman Fathurahman, 1999: 63).

Shaykh ‘Abd al-Ra’uf adalah salah seorang ulama yang produktif dalam penulisan naskhah-naskhah agama berbahasa Melayu. Dianggarkan bahawa beliau telah menulis lebih kurang 27 buah karya (Wan Mohd Saghir, 1996: 19-20). Antara karya prosa beliau ialah (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1991: 39-41):

- i. *Syarah Laṭīf ‘alā Arba’īn Hadīthan li al-Imām al-Nawāwī*
- ii. *Sullam al-Mustafīdīn*
- iii. *Risālat Mukhtaṣarat Fī Bayān Syurūṭ al-Shaykh wa al-Murīd*
- iv. *Fātihat Shaykh ‘Abd al-Ra’uf*
- v. *Daqā’iq al-Hurūf*
- vi. *Sakrat al-Mawt*
- vii. *Risālat Simpān*
- viii. *Munyat al-I’tiqād*
- ix. *Bayān al-Iḥlāq* atau *Bayān al-Tajallī*

- x. *Risālat A'yān Thābitah*
- xi. *Risālat Jalan Ma'rifat Allah*
- xii. *Kifāyat al-Muhtājīn ilā Masyrab al-Muwahhidīn al-Qā'ilīn bi Wahdat al-Wujūd*
- xiii. *'Umdat al-Muhtājīn ilā Sulūk Maslak al-Mufarriidīn*
- xiv. *Waṣṣyah*
- xv. *Mir'at al-Ṭullāb fī Tashīl Ma'rifat Ahkām Syar'iyat li al-Mulk al Wahhāb*
- xvi. *Turjumān al-Mustafīd*
- xvii. *Mawā'iz al-Badī'ah*
- xviii. *Īdāh al-Bayān fī Tahqīq Masā'il al-Adyān*
- xix. *Majmū' al-Masā'il*
- xx. *Hujjat al-Bālighah 'alā Jumu'ah al-Muqāsamah*
- xxi. *Ta'yīd al-Bayān Hāsyiyat Īdāh al-Bayān*
- xxii. *Syams al-Ma'rifat*
- xxiii. *Pindahan dari Otak Ilmu Tasawwuf*
- xxiv. *Tanbī al-'Āmil fī Tahqīq Kalām al-Nawāfil*
- xxv. *'Umdat al-Ansāb*
- xxvi. *Tanbīh al-Māsyī*

(Oman Fathurahman, 1999)

Selain karya-karya berbentuk prosa di atas, Shaykh 'Abd al-Ra'uf juga menggubah sebuah syair Melayu yang bertajuk *Sya'ir Ma'rifat* (Mohd Taufik Arridzo, 2000).

SYAIR MA'RIFAT

Antara sumbangan Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī dalam menyuburkan dakwah di bumi Aceh dan alam Melayu ialah menulis *Syair Ma'rifat*. Terbukti syair ini menjadi alat politik-dakwah Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī, iaitu dengan tersebar di pelbagai tempat di alam Melayu, bukan sekadar di Aceh. Akibat tersebarnya di pelbagai tempat, tajuk syair ini sebahagiannya ditukar seperti *Syair Ibadat*.⁵ Namun apabila diteliti, sebahagian besar kandungannya ialah *Syair Ma'rifat* yang ditulis Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī.

Hari ini *Syair Ma'rifat* disimpan di beberapa tempat, seperti perpustakaan di Universiti Leiden, Muzium British di London, dan Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur.⁶ Naskhah yang digunakan dalam makalah ini ialah *Syair Ma'rifat* yang disimpan di Perpustakaan Universiti Leiden dengan rujukan Oph 78.⁷ Syair ini dalam bentuk mikrofilem. Dipilih naskhah ini kerana dalam rangkap akhir syair tersebut dinyatakan nama penuturnya:

Tamatlah sudah *syair ma'rifat*
Syaikh 'Abd al-Ra'uf mengarang di Aceh
faqir menyalin kurang pendapat
jangan dicela jangan diu[m]pat

Juga melalui perakuan Teuku Iskandar (1995: 425-427) bahawa *Syair Ma'rifat* ini adalah karangan Syaikh 'Abd al-Ra'uf al-Fansuri.

KANDUNGAN SYAIR MA'RIFAT

Syair Ma'rifat (Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī, t.t), dari pendahuluan hingga rangkap terakhirnya sarat seruan-seruan dakwah. Dalam pendahuluannya dikemukakan nasihat atau panduan-panduan umum kepada para penuntut, khususnya penuntut-penuntut yang mempelajari ilmu untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat. Nasihat tersebut agar ilmu yang dituntut memberi manfaat pada diri mereka di dunia dan akhirat. Nasihat tersebut adalah:

- i. Tuntutlah ilmu agama, kerana ilmu ini akan menjadi amalan dan bakal menjadi modal utama apabila dibangkitkan di akhirat nanti, contohnya pada rangkap 14 (hlm. 2):
Hidup di dunia hendaklah jaga
inilah negeri tempat berniaga
carilah dagangan yang baik harga
barang yang laku katakan dia syurga
- ii. Ketika menuntut ilmu jangan tamak mengharap habuan dunia, contoh pada rangkap 30 (hlm. 3-4):
M[e]gah dunia banyak harta
ilmu dan amal (dibawa) serta
janganlah emas semata-mata
akhirnya lemas padahnya kita
- iii. Penuntut hendaklah mengamalkan segala pengetahuan (agama) yang ada, janganlah berkelakuan di sebaliknya.

Ma'rifatu'llāh

Perkara pokok yang ingin disampaikan Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī dalam syair ini adalah menjelaskan peri pentingnya orang Islam mendapat *ma'rifatu'llāh* (mengenal Allah). *Ma'rifat* itu pula perlu diketahui kedudukannya dari awal sebelum berusaha mendapatkannya. Andai diusahakan mencapai *ma'rifat* tanpa pengetahuan yang secukupnya, dikhuatiri akan tersesat jalan, bukan mencapai *ma'rifatu'llāh* sebaliknya menjadi mangsa iblis. Hal tersebut dinyatakan seperti rangkap 48-49 di bawah (hlm. 5):

Kita ini *wa'llāhu a'lamu*
k[e]rana banyak hamba bert[e]mu
astaghfiru'llāh hairanlah hambamu
hamba Allah itu banyak ters[e]mu
(minta) Ampun hamba kepada Tuhan
jalannya s[e]sat tiada berketahuan
bert[e]mu di sana harimau sekawan
disangkanya rusa berjalan-jalan

Rangkap syair tersebut menjelaskan bahawa pada zaman Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī dan juga sebelumnya, ramai orang berusaha mendapatkan *ma'rifatu'llāh*. Namun sebahagian mereka telah tersasar daripada matlamatnya, terus menyimpang, dan penyimpangan mereka tidak disedari. Apabila mereka sedar, kesedaran mereka sudah terlambat.

Oleh itu, syair ini menjelaskan konsep dan kedudukan *ma'rifat*. Dalam usaha memberi kefahaman kepentingan *Ma'rifat* dalam Islam, Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī menggunakan perumpamaan untuk menjelaskannya. *Ma'rifat* dalam syair ini diumpamakan sebagai sebatang pokok yang sangat tinggi, dan mempunyai empat dahan utama. Pada setiap dahan itu terdapat buah yang amat lebat dan amat indah warnanya. Rasa buah tersebut pula amat lazat sehingga menjadi impian setiap insan untuk memakannya. Walau bagaimanapun buah tersebut tidak mudah untuk dicapai kerana pokoknya sangat tinggi, dan apabila masak, buah itu tidak akan jatuh ke bumi. Rangkap-rangkap syair pada rangkap 36-37 berikut menjelaskannya (hlm. 4):

Faqīr khabarkan akan suatu pendapat
tatkala mencari 'ilmu *ma'rifat*
sepohon kayu cabangnya empat
buahnya diambil tiada dapat

Kayunya tinggi bukan kepalang
buahnya banyak tiada terbilang
warnanya indah amat cemerlang
hendak diambil dibawa pulang

Daripada perumpamaan berkenaan, dahan yang empat itu gambaran kepada pengisian yang perlu untuk diisi setiap penganutnya yang meliputi *Syarī'ah*, *Ṭarīqah*, *Haqīqah* dan *Ma'rifah*. Pada setiap bahagian itu mempunyai pengisian yang sangat penting yang perlu dikenali dan dirasakan setiap orang Islam (hlm. 4-5).

Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī selanjutnya menjelaskan konsep *ma'rifat* dengan menggunakan sebiji kelapa. Buah kelapa secara umumnya boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama, dan syair rangkap 43 berikut menjelaskan (hlm. 5):

Jikalau diibaratkan sebiji kelapa
kulit dan isi tiada serupa
janganlah kita bersalah tapa
tetapi beza tiadalah berapa

Setiap bahagian dalam sebiji kelapa menggambarkan setiap bahagian dalam Islam. rangkap 45 (hlm. 5) menjelaskan:

Kulitnya itu ibarat *syarī'ah*
tempurung itu ibarat *ṭarīqah*
isinya itu ibarat *haqīqah*
minyaknya itu ibarat *ma'rifah*

Bahagian-bahagian tersebut dijelaskan seperti berikut:

- i. kulit/sabut, menggambarkan *Syarī'ah*;
- ii. tempurung, menggambarkan *Ṭarīqah*;
- iii. isi, menggambarkan *Haqīqah*; dan
- iv. minyak, menggambarkan *Ma'rifah*.

Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī selanjutnya memberi amaran kepada para penuntut agar berhati-hati dalam masalah *i'tiqād*. Terutama ketika memahami ilmu *Ma'rifah*. Ramai pada waktu itu dan sebelumnya yang berusaha mencari ilmu ini berpegang dengan akidah yang salah atau sesat. Akibatnya mereka mendapat kerugian yang dahsyat pada hari Akhirat nanti. Oleh itu apabila hendak mempelajari ilmu *Ma'rifah*, hendaklah menuntut kepada guru yang benar-benar arif tentang ilmu tersebut. Rangkap 47 dan 50 (hlm. 5) berikut menjelaskan:

Baik-baik *i'tiqād* kita di sana
supaya *i'tiqād* kita sempurna
jikalau bercerai lafaz makna
akhirnya itu tiada berguna
Tandanya tiada berpengenalan
matahari itu disangkanya bulan
di dalam laut hendak berjalan
racun yang bisa hendak dimakan

Iman, Islam, Tauhid, dan *Ma'rifah*

Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī menyarankan sekiranya ingin mengenal Allah, perlu diketahui terlebih dahulu empat perkara asas berikut, iaitu iman, Islam, tauhid dan *ma'rifah*.

- i. Iman: bermakna percaya. Kepercayaan itu hendaklah diselarikan dengan *taṣḍīq* (membenarkan di dalam hati) dan *igrār* (ucapan dengan lidah). Sekurang-kurangnya Iman ialah secara *mujmal* (umum), iaitu percaya bahawa Allah itu Esa, dan percaya bahawa Nabi Muhammad SAW itu sebagai Rasul-Nya (hlm. 8). Adapun

Iman secara *tafṣīl* (terperinci) itu ialah mempercayai enam rukunnya, iaitu beriman kepada Allah, Malaikat-Nya, Kitab-Kitab-Nya, Rasul-Rasul-Nya, Hari Akhirat, dan beriman kepada *qadā`* dan *qadar* (baik dan jahat adalah rahmat-Nya) Allah ke atas makhluk-Nya. Contohnya pada rangkap 93 (hlm. 9):

Ketahui olehmu segala bilangannya
iman yang *munfasal* enam rukunnya
ka enamnya itu dipercayainya
pelajari juga dengan yakinnya

- ii. Islam: bermakna menjunjung (melaksanakan tanpa usul bicara) segala perintah Allah, serta menjauhi segala apa yang ditegah-Nya. Selain itu melaksanakan segala suruhan Rasul-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Inilah pengertian *mujmal* Islam tersebut. Manakala pengertian secara *tafṣīl*nya ialah melaksanakan rukun yang lima, iaitu mengucap *syahādatayn*, menunaikan solat fardu, berpuasa pada bulan Ramadan, dan mengerjakan haji ke *Baytu`Llah* di Mekah. Contohnya dalam rangkap 92 (hlm. 9):

Islam itu rukun lima
syahādah itu rukun pertama
sembahyanglah tuan zakat puasa
naik haji ke *Bayt al-Harām* Mekah sempurna

- iii. Tauhid: bermakna mengesakan Allah, iaitu mengesakan Allah pada *dhāt*, *sifāt* dan *af`āl*-Nya. Contohnya dalam rangkap 84 (hlm. 9):

Erti *tawhīd* mengesakan Allah
tiada sekutu bagi *dhāt* Allah
tiada sekutu bagi *sifāt* Allah
tiada menyamai bagi *af`āl* Allah

- iv. *Ma`rifat*: bermakna mengenal, iaitu mengenal Allah tentang wujud-Nya juga Sifat-sifat-Nya. Contohnya dalam rangkap 87 (hlm. 9):

Wa hiya al-ma`rifah bi wujūdi`Llāh
wa a-Qidami dhāti`Llāh
wa al-Baqā` haqqi`Llāh
wa bi jamī` al-Sifāt dhāti`Llāh

Bahkan setiap muslim perlu untuk mencapai *ma`rifat* sekurang-kurangnya berdasarkan *dalīl ijmāl*. Sekiranya tidak berdasarkan sebarang dalil, ia bukanlah dinamakan *ma`rifat*, sebaliknya hanya *taqlīd* sahaja (hlm. 20). Dalil bagi mencapai *ma`rifat* terbahagi kepada dua:

- a. Dalil *naqlī*;
- b. Dalil *‘aqlī*; keduanya dijelaskan pada rangkap 206 (hal. 20):
Pertama dalil *naqlī*
keduanya tanda dalil *‘aqlī*
nazarlah di sana ahl al-‘aqlī
ma`rifah supaya kekal

Dalam perkara *ma`rifat*, Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī ada memberi gambaran awal, ia terbahagi dua, pertama *ma`rifat* paling minima, iaitu seperti memahami dan melaksanakan perkara asas Islam, seperti yang dinyatakan dalam pengisian Iman, Islam, tauhid dan *ma`rifat*. Kedua, *ma`rifat* dalam nilai yang lebih tinggi, yang hanya akan dicapai orang mukmin yang terpilih. Rangkap 39 (hlm. 5) berikut menjelaskan:

Tuntut olehmu d[e]ngan kesungguhan
tiadalah jadi d[e]ngan tiruan
syarī`ah ṭarīqah mengenal Tuhan
haqīqah ma`rifah sempurna jalan

Rangkap di atas menjelaskan, segala perkara yang berkaitan suruhan dan tegahan sama ada berkaitan akidah atau amalan harian hamba adalah Syariat yang ditetapkan Allah yang berfungsi untuk mengenal Allah. Begitu juga usaha mendekati diri kepada Allah, melalui amalan-amalan zikir, penyucian diri dari sifat-sifat tercela, yang kemudian dihiasi diri dengan sifat-sifat terpuji melalui usaha yang bersungguh-sungguh adalah tarīqah yang juga berfungsi untuk mengenal Allah. Dua kaedah ini iaitu yang dikatakan Syariat dan tariqat, ia adalah usaha seorang hamba mendekati dan mengenal Allah. Kemudian, dengan kurniaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepada hamba pilihan-Nya yang sudah mempersiapkan diri, kurniaan mengenali hakikat Allah, dan seterusnya mengenal dalam makna *ma'rifatu'Llah*. *Haqīqah* dan *ma'rīfah* peringkat ini bukanlah boleh dicapai melalui usaha hamba, tetapi ia adalah kurniaan Allah.

Syahādatayn

Syahādatayn merupakan rukun pertama dalam rukun Islam. Kepada yang mahu menjadi sebagai orang Islam pada kali pertama, mereka perlu mengucapkan lafaz tersebut. Lafaz *syahādatayn* ialah *asyhadu an Lā ilāha illā'LLāh wa asyhadu anna Muhammadan Rasūlu'LLāh*, yang bermakna, aku memperakukan (yakin) bahawa tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, dan aku memperakukan (yakin) bahawa (Nabi) Muhammad itu pesuruh Allah.

Shaykh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī memperincikan kepentingan *syahādatayn* agar difahami dan diambil perhatian berat oleh setiap Muslim. Hal ini dapat diperhatikan pada rangkap 100 (hlm. 10):

Rukun Islam pula dibilang
mengucap *syahādah* jangan kepalang
kelebihannya sunat diulang-ulang
siang dan malam janganlah senang

Syahādatayn terbahagi kepada lima bahagian utama, iaitu (hlm. 11-12):

- i. Fardu *syahādatayn*: mempunyai dua fardu ketika melafazkannya, iaitu hendaklah di*iqrār*kan (dilafaz dengan lidah) dan di*taşdıq*kan (dibenarkan/diyakinkan dengan hati).
- ii. Rukun *syahadatayn*: mempunyai empat rukun, iaitu meng*ithbāt*kan *Dhāt* Allah, *sifāt*-Nya, *af'āl*-Nya dan meng*ithbāt*kan *şiddīq* (kebenaran) Nabi Muhammad sebagai *Rasūlu'LLāh*.
- iii. Kesempurnaan *syahādatayn*: kesempurnaan *syahādatayn* juga ada empat, iaitu ilmu, *iqrār* dengan lidah, *taşdıq* di dalam hati dan meyakini apa yang diucapkan.
- iv. Syarat sah *syahādatayn*: syarat sahnya juga ada empat, iaitu mengetahui (apa yang diucap), meng*iqrār*kannya, men*taşdıq*kannya, dan mengamalkannya (dalam kehidupan seharian).
- v. Perkara yang membatalkan *syahādatayn*: ia juga ada empat, iaitu menduakan (syirik) Allah, syak hatinya pada Allah, menyangka dirinya Allah, dan tidak meng*ithbāt*kan *Dhāt* Allah.

Sifat 20 (Sifat Wajib bagi Allah)

Sifat 20 (sifat wajib bagi Allah) merupakan pengenalan popular yang diketengahkan tokoh ulama silam khasnya dalam pengajian tauhid, yang merupakan antara doktrin utama mazhab Asy'arī dan Māturidī iaitu antara pendokong utama *Ahl al-Sunnah wa al-jamā'ah*. Syaikh 'Abd al-Ra'ūf al-Fansūrī merupakan salah seorang tokoh ulama yang turut membincangkan

konsep ini dalam mengenal Allah. *Syair Ma'rifat* memulakan pembicaraan Sifat 20 dalam rangkap 122 (hlm. 12):

Wahai tuan yang bermata
dua puluh sifat dalilnya nyata
itu diberati kepada kita
jadi *ma'rifah* semata-mata

- i. Sifat *nafsīyah*: hanya ada satu sifat sahaja, iaitu *wujūd*. Ertinya, ada Allah Ta'ala, mustahil tiada Dia. Ada-Nya itu dari azali lagi. Dalilnya ialah firman Allah dalam al-Qur'an, Surah al-Dharyat (51: 23) (hlm. 12,18).
- ii. Sifat *salbīyah*: Pengertian *sifat salbīyah* ialah "sifat menafikan suatu nama, dengan yang baharu tiadalah sama" (hlm. 18). Ada lima sifat termasuk dalam sifat *salbīyah*, iaitu *qidam*: ertinya sedia Allah Ta'ala, mustahil Allah bersifat baru. Sifat kedua ialah *baqā'*: ertinya kekal Allah Ta'ala, mustahil binasa sifat-Nya, iaitu *wujud* Allah itu tidak mempunyai kesudahan serta tidak bergantung dengan masa. Sifat ketiga ialah *mukhālafatu-Hu lil-hawādith*: ertinya Allah tidak menyerupai segala yang baru (makhluk), mustahil Allah itu menyerupai dengan yang bersifat baru. Ia bermaksud Allah tidak sekali-kali serupa sama ada *dhāt*, *sifāt* dan *af'āl*-Nya dengan segala yang baru. Sifat keempat ialah *qiyāmu-Hu binafsi-Hi*: ertinya ada dua, iaitu Allah Ta'ala tiada berkehendak kepada tempat, dan berdiri dengan sendiri-Nya. Mustahil bagi Allah itu berkehendakkan tempat dan berdiri-Nya dengan memerlukan orang lain. Sifat kelima ialah *wahdānīyah*: ertinya Esa Allah Ta'ala, mustahil bagi-Nya ada dua (sekutu). Maksudnya ialah Allah itu Esa pada *dhāt*-Nya, *sifāt*-Nya dan *af'āl*-Nya (hlm. 13-14).
- iii. Sifat *ma'ānī*: Ertinya "wajib kepada Tuhan yang *ghānī*" (hlm. 18). Tujuh sifat termasuk dalam sifat *ma'ānī*. Pertama *hayāh*: ertinya hidup, mustahil mati. Kedua *'ilmu*: ertinya Allah bersifat mengetahui, mustahil bebal. Tujuan dengan *'ilmu* ialah mengetahui segala perkara sama ada yang jelas mahupun tersembunyi. Ketiga *qudrah*: ertinya berkuasa Allah, mustahil lemah sifat-Nya. Maksud *qudrah* di sini ialah Allah berkuasa mengadakan alam dengan *taqdīr*-Nya. Keempat *irādah*: ertinya Allah itu berkehendak, mustahil Dia bersifat benci. Dengan sifat *irādah* ini Allah berkuasa menentukan sesuatu itu panjang atau pendek, ada atau tidak. Kelima *sama'*: ertinya Allah itu mendengar, mustahil Dia itu tuli. Keenam *baṣar*: ertinya Allah itu melihat, mustahil Dia itu buta. *Baṣar* Allah itu tidaklah dengan mata. Ketujuh *kalām*: ertinya Allah berkata-kata, mustahil Dia itu kelu (bisu). Sifat perkataan Allah itu tidak berhuruf dan tidak bersuara (hlm. 14-17).
- iv. Sifat *ma'nawīyah*: Sifat *ma'nawīyah* dijelaskan sebagai "melazimkan *ma'ānī* semata-mata / kepada *dhāt*-Nya tempatnya nyata" (hlm. 17). Tujuh sifat termasuk dalam sifat ini. Pertama *hayyun*: ertinya hal keadaan Allah itu hidup, mustahillah pula mati atau *fana'*. Kedua *'ālimun*: ertinya Allah Ta'ala Yang Tahu, mustahil bersifat dengan bebal. Ketiga *qādirun*: ertinya hal keadaan Allah Ta'ala Yang Berkuasa, mustahil bersifat lemah. Keempat *murīdun*: ertinya Allah Ta'ala itu sentiasa bersifat berkehendak, mustahil pula tidak berkehendak. Kelima *sāmi'un*: ertinya sentiasa mendengar Tuhan Yang *Ghanī*, mustahil bersifat dengan tuli. Keenam *bāṣirun*: ertinya Allah sentiasa melihat, mustahil bersifat buta. Ketujuh *mutakallimun*: ertinya Allah sentiasa berkata-kata, mustahil pula bersifat kelu (hlm. 17-18).

Sifat 20 di atas, boleh dibahagi pula kepada dua sifat utama, iaitu:

- i. Sifat *istighnā`*: ertinya Allah Maha Kaya tidak memerlukan kepada yang lain. Sifat yang termasuk dalam sifat ini antaranya *wujūd*, *qidam*, *baqā`*, *mukhalafatu hu lil-hawādith* dan *qiyāmu hu bi nafsih*. Rangkap 193 (hlm. 19) menjelaskan:
Sifat yang lima pertama mula
bahagi *istighnā* haq *AllahTa`āla*
sifat yang kaya *‘Azza wa ajalla*
sifat *tanzīh* enamnya pula
Manakala enam sifat lagi yang juga tergolong dalam sifat *istighnā`* dikenal juga sebagai sifat *tanzīh*. Sifat *tanzīh* bermaksud untuk menyucikan Allah daripada segala sifat yang tidak layak bagi-Nya. Sifat-sifat itu ialah *sama`*, *başar*, *kalām*, *sāmi`un*, *başīrun* dan *mutakallimun* (hlm. 21).
- ii. Sifat *Iftiqār*: Ertinya sekalian alam amat berkehendak kepada Allah. Bilangan Sifat ini ialah sebanyak 9 sifat, iaitu *qudrah*, *irādah*, *hayah*, *‘ilmu*, *qādirun*, *murīdun*, *hayyun*, *‘alimun* dan *wahdānīyah*. Contohnya dalam rangkap 195 (hlm. 19):
Bahagi yang ketiga sifat *iftiqār*
dititulah *i`tiqād* terlalu sukar
jikalau bebal yang kurang akal
di sanalah pendapat banyak bertukar

Padang Mahsyar

Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī mengingatkan kepada semua pelajar tentang kehidupan di dunia ini yang hanya bersifat sementara sahaja. Kehidupan di akhirat lebih lama dan kekal. Dalam *Syair Ma`rifat* dinyatakan kehidupan yang akan dilalui semua makhluk khususnya manusia, iaitu berdasarkan Sūrah al-Qiyāmah dalam al-Qur`an. Sewaktu manusia dibangkitkan di Padang Mahsyar nanti, mereka akan merasai suasana yang sangat panas. Keadaan itu akan dirasai khasnya orang yang tidak mengikut perintah Allah pada masa hayat mereka. Hal ini dapat dilihat dalam rangkap 238 (hlm. 23) berikut:

Dalam citera *surah al-Qiyāmat*
berhimpun di *Mahsyar* sekalian umat
merasai panas terlalu amat
barang yang tiada beroleh ni`mat

Padang Mahsyar digambarkan berkeadaan datar dan lebar. Matahari pada waktu itu seolah-olah sejengkal sahaja jaraknya daripada manusia. Ini ialah gambaran panasnya pada waktu itu, terutama kepada orang yang tidak mendapat sebarang perlindungan daripada Allah (hlm. 31).

Keadaan Manusia Dibangkitkan dari Kubur

Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī menjelaskan apabila manusia dibangkitkan dari kubur masing-masing. Keadaan mereka ketika bangkit dibahagikan kepada 12 kumpulan, seperti rangkap 239 (hlm. 23) berikut:

Dibangkitkan Allah daripada mati
dua belas kaum berganti-ganti
di padang *Mahsyar* berkati-kati
di padang *mawqūf* tempat berhenti

- i. Kumpulan manusia yang dipotong kaki dan tangan mereka. Faktor utama mereka menerima azab seperti itu kerana suka menabur fitnah (hlm. 23).

- ii. Kumpulan manusia yang keadaannya merangkak-rangkak seperti babi. Faktor utama mereka menerima azab seperti itu kerana tidak menunaikan solat fardu (hlm. 24).
- iii. Kumpulan manusia dengan keadaan perut mereka besar seperti bukit. Di dalam perut itu pula terdapat banyak binatang bisa seperti ular dan lipan. Keadaan mereka diazab sedemikian kerana tidak mahu mengeluarkan zakat harta (hlm. 24).
- iv. Kumpulan manusia dengan keadaan badan mereka disula, manakala perut mereka pula diseret di atas bumi. Azab tersebut diterima kerana mereka menipu dalam perniagaan (hlm. 25).
- v. Kumpulan manusia yang keadaan mereka terlalu amat busuk, seperti bau bangkai yang sudah lama. Azab ini ke atas orang yang melakukan dosa secara bersembunyi-sembunyi (hlm. 25).
- vi. Kumpulan manusia yang leher mereka dipotong. Ini hukuman kepada orang yang suka membuat dusta (hlm. 26).
- vii. Kumpulan manusia dengan keadaan lidah mereka terseret di tanah, di samping keluar daripadanya nanah dan darah. Azab ini ditimpakan kepada orang yang suka bermuka-muka (hlm. 26).
- viii. Kumpulan manusia dengan keadaan terbalik badan mereka, iaitu kaki di atas dan kepala di bawah. Selain itu kemaluan mereka terjantai sampai ke tanah. Azab ini ditimpakan kepada mereka yang melakukan zina ketika di dunia (hlm. 26).
- ix. Kumpulan manusia dengan keadaan muka mereka amat hitam, perutnya penuh dengan nanah dan darah. Azab ini ditimpakan kepada orang yang membuat aniaya khususnya menzalimi harta anak yatim (hlm. 27).
- x. Kumpulan manusia dengan keadaan memakai pakaian daripada neraka. Azab ini ditimpakan kepada orang yang menderhaka pada ibu bapa (hlm. 27).
- xi. Kumpulan manusia dengan keadaan mereka dibutakan mata dan hati mereka. Sebab utama mereka menerima azab sedemikian adalah kerana sikap sombong, minum arak, tidak menuntut ilmu dan menjadi penyembah berhala (hlm. 27).
- xii. Kumpulan manusia dengan keadaan memakai pakaian sutera, dan mukanya amat bersinar. Orang yang menerima nikmat ini ialah orang mukmin yang mengerjakan amalan soleh dan menunaikan solat fardu (hlm. 28).

Selepas dibangkitkan, mereka akan berdiri di sisi kubur mereka untuk tempoh empat puluh tahun. Kedudukan mereka langsung tidak bergerak tegak berdiri. Dalam tempoh tersebut, mereka tidak diberikan makanan dan minuman. Rangkap 295 (hlm. 28) menceritakan:

Empat puluh tahun ia berdiri
tiada bergerak kanan dan kiri
di sisi kubur sentiasa hari
makan minum tiada diberi

Keadaan Orang Mukmin Ketika Dibangkitkan

Pada hari kebangkitan di padang Mahsyar, manusia digambarkan terlalu ramai, menghimpunkan semua manusia dari umat zaman Nabi Adam AS sehingga umat yang terakhir, iaitu umat Nabi Muhammad SAW. Pada masa itu nanti, Nabi Muhammad SAW akan memberi *shafā'ah* kepada umatnya. Timbullah pertanyaan daripada kalangan sahabat Nabi bagaimana Baginda boleh mengecam umatnya dalam kebanjiran jutaan manusia lain. Jawapan Nabi Muhammad dalam rangkap 297-298 (hlm. 29):

Nabi manya[h]ut akan kata umatnya
ku kenal umatku sekaliannya
masing-masing adalah tandanya
adalah cahaya pada dahinya
Cahaya mukanya berbayang-bayang
tandanya bekas air sembahyang
berbuat 'amal malam dan siang
meninggalkan dia sangatlah mamang

Begitulah caranya Nabi Muhammad mengenal umatnya. Umatnya yang taat ketika hidup di dunia, apabila sampai di akhirat nanti, belum pun lagi menerima balasan yang sewajarnya sudah merasai kenikmatan berbanding mereka yang ingkar dan lalai. *Syair Ma'rifat* ada menyenaraikan mereka yang taat beribadat bersama nikmat yang akan diterima ketika di Mahsyar lagi, iaitu orang yang menunaikan solat, seperti dalam rangkap 300 (hlm. 29):

Di atas titi sangatlah pantas
ke dalam syurga tempatnya lintas
sekajap mata saja di atas
seperti kilat yang maha tangkas

Begitu juga orang yang melaksanakan puasa pada bulan Ramadan dan puasa sunat lain, seperti dalam rangkap 301 dan 307 (hlm. 29-30):

Segala mereka yang ada puasa
keluar dari kuburnya dangan sentosa
berbagai-bagai ni'mat dan rasa
makan dan minum sentiasa
Barang yang puasa pada hari 'Arafah
itulah b[e]sar pahala ditambah
beberapa ma[h]ligai jadi pengupah
berumbikan mutiara emas bertatah

Selanjutnya *Syair Ma'rifat* merakamkan satu Hadis Nabi Muhammad berkaitan tiga golongan apabila dibangkitkan dari kubur nanti yang akan disambut tangannya oleh malaikat. Mereka ialah (hlm. 29):

- i. Orang yang mati syahid pada peristiwa Karbala;
- ii. Orang yang berpuasa pada bulan Ramadan; dan
- iii. Orang yang telah menunaikan haji ke *Baytu 'Llāh* (haji mabrur)

Syair Ma'rifat juga menceritakan sepuluh golongan yang akan terhindar/terlepas daripada kesusahan, kesengsaraan, dan siksaan pada hari kebangkitan nanti. Mereka ialah (hlm. 30-31):

- i. Para Nabi.
- ii. Orang yang meninggal dunia kerana dianiaya.
- iii. Orang yang meninggal dunia kerana syahid.
- iv. Orang yang menyertai peperangan menegakkan Islam.
- v. Orang yang berpengetahuan (dan mengamalkan) 'ilmu Allah.
- vi. Orang yang menghafaz dan memelihara al-Qur'an.
- vii. Tukang azan pada setiap waktu sembahyang.
- viii. Raja/pemerintah yang adil.
- ix. Perempuan yang meninggal dunia kerana melahirkan anak.
- x. Orang yang meninggal dunia pada hari Jumaat.

Keadaan Orang *Fāsiq* Ketika Bangkit dari Kubur

Shaykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī menceritakan keadaan orang *fāsiq* ketika di Padang Mahsyar, selain keadaan ketika dibangkitkan dari kubur. Pada waktu itu, semua orang yang *fāsiq* akan menyesali diri mereka sendiri. Kekesalan mereka tergambar dari perlakuan mereka, menggambarkan malu yang keterlaluan kepada *Rabb al-Jalīl*, di atas sikap mereka ketika di dunia. Keadaan mereka jelas tergambar dalam rangkap 321-322 (hlm. 31):

Segala yang *fāsiq* berjalan dahulu
di sanalah mereka sangatlah malu
berjalan pula menada[h] ulu
lutut dan p[e]rut hingga berpalu
Segala *fāsiq* terlata-lata
berjalan (seperti) orang yang buta
inilah balas orang yang lata
berjalankan lutut semata-mata

Kenderaan di Padang Mahsyar

Shaykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī menyatakan berdasarkan Hadis Nabi Muhammad SAW bahawa orang-orang mukmin boleh mengadakan kenderaan pada hari tersebut. Kenderaan itu hendaklah diusahakan ketika di dunia lagi. Kenderaan di Padang Mahsyar ialah ibadat korban yang dilakukan pada Hari Raya *Adha*. Ini bermakna sesiapa yang tidak melaksanakan ibadat korban ketika hayat mereka, tidak akan mendapat sebarang kenderaan apabila di padang Mahsyar nanti. Rangkap 325 menjelaskan hal ini (hlm. 31):

Nabi bersabda besarkan olehmu
Qurban yang *kamal* faedah dirimu
di padang Mahsyar jadi kenderaanmu
tatkala keluar daripada kuburmu

Gambaran Nikmat di Syurga

Shaykh ‘Abd al-Ra’ūf al-Fansūrī, t.t. (hlm. 29), ada menceritakan gambaran nikmat yang akan ada di syurga, iaitu:

- i. Makanan di syurga digambarkan amat lazat dengan berbagai-bagai cita rasa. Sekiranya makanan di syurga itu sangat sedap, semakin dimakan semakin bertambah manis, kelazatannya tidak berkesudahan, dan apabila makanan itu melekat di kerongkong, rasanya amat dingin selesa (hlm. 29).
- ii. Mahligai yang ada di syurga adalah terlalu indah. Mahligai tersebut dibina daripada emas, intan dan mutiara. Hal ini boleh dilihat dalam rangkap 309 (hlm. 30):

Banyaknya maligai seorang kita
berumbikan mutiara intan permata
di sanalah tempat mukmin bertahta
bidadari mengadap hadir serta

- iii. Bidadari yang ada di syurga terlalu cantik. Kecantikan bidadari ini jelas dalam rangkap 312-313 (hlm. 30):

Elok bidadari bukan kepalang
dipakainya pula subang dan g[e]lang
indahnyanya bukan alang kepalang
jikalau ke dunia masuknya s[e]orang

Tiadalah hari malam dan siang
sebab cahayanya terang benderang
itulah isteri orang yang sembahyang
menyembah Tuhan malam dan siang

- iv. Sekiranya orang yang masuk syurga itu mempunyai isteri ketika di dunia, dan isteri tersebut juga taat kepada perintah Allah, maka isterinya itu akan dijadikan penghulu kepada semua bidadari yang akan dimiliki suaminya. Hal ini dijelaskan dalam rangkap 293 (hlm. 28):

Adapun isterinya yang dahulu
jikalau la ia sembahyang jadi penghulu
anak bidadari itu sangatlah malu
berbagai-bagai ni‘mat dihantarkan lalu

KESIMPULAN

Zaman awal Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf menjawab jawatan Qādi Mālik al-‘Ādil negeri Aceh adalah zaman yang sukar, akibat berlakunya fatwa sesat dan hukuman bunuh oleh Qādi Mālik al-‘Ādil sebelum itu iaitu Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānirī terhadap pengikut-pengikut Hamzah Fansuri dan Shaykh Shamsu al-Dīn al-Sumatrā`ī. Sudah pasti keadaan masyarakat Islam di Aceh pada waktu itu dalam keadaan tidak keruan. Berlaku pro dan kontra antara masyarakat yang mendokong fatwa sesat, dan masyarakat yang mendokong fahaman Hamzah Fansuri.

Menyedari situasi yang seperti itu, maka Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf perlu menggunakan cara berdakwah yang paling berkesan untuk menyampaikan ilmu guna menyedarkan masyarakat Islam terhadap akidah Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah, juga memberi kesedaran asas-asas mengenal Islam. *Syair Ma`rifat* telah menjadi alat politik-dakwah Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī untuk memberi kefahaman asas *ma`rifat* kepada orang-orang Melayu Islam, yang sezaman dan selepasnya.

Penggunaan syair pada sebahagian masyarakat Islam Aceh sangat berkesan, kerana syair sangat sinonim dengan Hamzah Fansuri. Mereka sudah terbiasa dengan syair-syair yang digubah Hamzah Fansuri. Apabila Shakh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī turut menggunakan syair pasti mereka khususnya dalam kalangan pengikut-pengikut Hamzah Fansuri mudah menerimanya, dan secara tidak langsung mereka terdedah untuk dipengaruhi mengenal asas-asas Islam menurut acuan Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī.

Dalam usaha memberi penjelasan *ma`rifat*, Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī menyedari perlunya memasukkan ungkapan-ungkapan perumpamaan agar lebih mudah difahami. Perumpamaan-perumpamaan yang digunakan pula berdasarkan pengalaman harian orang-orang Melayu di tanah air mereka. Penggunaan lambang seperti pokok, buah kelapa, rusa, harimau dan lain-lainnya sangat sinonim dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu pada waktu itu. Contohnya penggunaan perumpamaan buah kelapa, boleh dikatakan setiap hari kehidupan orang Melayu berkisar dengan buah kelapa. Bermula masakan, minuman, atau juga adat-adat tertentu, orang-orang Melayu menggunakan buah kelapa.

Dalam syair ini, Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī mengemukakan secara ringkas pengetahuan-pengetahuan yang dikaitkan dengan pemahaman *ma`rifat*. Pemahaman ringkas ini akan membolehkan seseorang Islam, khususnya *sālik* menghayati Islam sebagaimana sewajarnya. Penekanan Shaykh ‘Abd al-Ra`ūf al-Fansūrī ialah pemahaman dan penghayatan dalam perkara asas Islam, iaitu tauhid. Dari itu, sebahagian besarnya membincangkan sifat wajib, mustahil, dan harus bagi Allah. Sesudah itu menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan peristiwa yang akan dialami setiap manusia pada hari akhirat nanti. Penumpuan pada peristiwa-peristiwa seperti ini untuk memberi peringatan

kepada orang yang ingkar suruhan Allah, dan akibat yang akan mereka terima disebabkan keingkaran mereka. Peristiwa-peristiwa tersebut juga sebagai khabar gembira kepada orang yang taat kepada segala arahan dan larangan Allah.

Politik-dakwah seumpama ini asasnya sangat bersesuaian pada setiap zaman, hanya cara persembahannya sahaja yang perlu disesuaikan mengikut peredaran masa. Berdasarkan latar belakang *Syair Ma'rifat*, kerjasama erat pemerintah dengan pendakwah adalah penting, untuk membantu menyebarkan dakwah Islamiah dalam kalangan rakyat sesebuah negeri. Jelaslah *Syair Ma'rifat* karangan Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī sangat sesuai diibaratkan 'mencanai permata, memperkasa agama'. Kebolehan Shaykh 'Abd al-Ra'uf al-Fansūrī mencanai ilmu *ma'rifat* dalam bentuk syair seumpama ini, memudahkan orang-orang Islam lain, sama ada yang awam atau yang cenderung mengamalkan hidup kerohanian, memahami hakikat *ma'rifat* yang paling asas. Mak syair ini akan menjadi panduan agar manusia tidak tersalah pilih jalan.

¹ Politik dan Islam tidak mungkin dipisahkan. Begitu juga politik dan dakwah. Menurut Dr. 'Abd al-Rahman al-Bar:

إذا فهم دينه وأراد أن يطبقه لا يمكنه إلا أن يكون سياسياً، وأذكر له -فضلاً عن الداعية- إن المسلم العادي إمامٌ: إذا قيل لكم: (رسالة بين أمس واليوم) ما قاله الأستاذ الإمام المؤسس حسن البنا رحمه الله في ندعو إلى الإسلام الذي جاء به محمد صلى الله عليه وسلم، والحكومة جزء منه، والحرية: تدعون؟ فقولوا: "هذا هو الإسلام، ونحن لا نعرف هذه الأقسام: فقولوا! هذه سياسة: فريضة من فرائضه، فإن قيل لكم

Ertinya: Sesungguhnya bagi orang Islam – lebih-lebih lagi pendakwah – yang memahami agamanya, dan mahu mengamalkannya tidak mungkin tanpa berpolitik. Saya rujuk kata-kata al-Ustaz al-Imām al-Mu'assis Hasan al-Bannā r.h. di dalam bukunya *Risālah bayn al-Ams wa al-yawm*: "Apabila kamu ditanya, apa yang kamu seru? Katakan: kami menyeru kepada Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW, pemerintahan sebahagian daripadanya (Islam), kebebasan salah satu dari kewajibannya. Jika dikatakan kepada kamu: ini politik! Katakan: inilah dia Islam, kami tidak memisah-pisahkan" (dalam <http://www.ikhwanonline.com/>).

² *Mencanai* dalam *Kamus Dewan* (1996: 207), diertikan sebagai *membentuk, mengacu, menyesuaikan* dan *menyelaras*.

³ Ada pula yang mengemukakan nama penuhnya ialah 'Abd al-Ra'uf bin 'Alī al-Jāwī al-Fansūrī al-Sinkīlī (Oman Fathurahman, 1999: 25). Namun Wan Mohd Shaghir Abdullah (1996: 9) tidak bersetuju dengan penambahan al-Sinkīlī pada nama akhir Shaykh 'Abd al-Ra'uf. Pada beliau penambahan al-Sinkīlī itu adalah bersumberkan orientalis, yang tidak berasaskan bukti yang sahih. Bahkan berdasarkan penelitian yang dilakukannya, tidak ada bukti bertulis adanya penambahan al-Sinkīlī di hujung nama Shaykh 'Abd al-Ra'uf oleh mana-mana kitab yang ditulisnya juga oleh para ulama Melayu selepasnya. Sebaliknya ia sekadar ditulis di hujung namanya al-Fansūrī. Oleh itu dalam makalah ini saya hanya menggunakan al-Fansūrī dan tidak al-Sinkīlī. Tambahan nama al-Fansuri di belakang nama 'Abd al-Ra'uf.

⁴ Ketika di Timur Tengah, Shaykh 'Abd al-Ra'uf telah menuntut berbagai ilmu daripada 17 orang tokoh ulama di sana. Mereka ialah Shaykh 'Abd al-Qadir Mawrir di Mokha, Shaykh Imam 'Ali al-Tabari di Makkah, Shaykh 'Abd al-Qadir al-Barkhali (Mufti Jeddah), Shaykh 'Abd al-Wahid al-Husyairi di Bayt al-Faqīh Ayman, Shaykh Ibrahim bin 'Abdu'LLāh Jam'an di Bayt al-Faqīh Ibn 'Ujayl, Shaykh Ibrahim bin Mohammad Jam'an di Bayt al-Faqīh Ibn 'Ujayl, Shaykh Ahmad Jannah di Bayt al-Faqīh Ibn 'Ujayl, Qādī Ishaq bin Muhammad Jam'an, Shaykh Muhammad Thabati, Wali Allah Shaykh 'Abd al-Rahim Hasy, Shaykh Siddiq Manjaji, Faqih 'Ali bin Muhammad Diba', Shaykh 'Abdu'LLāh 'Adani, Qādī Muhammad di Lohayya, Qādī 'Umar Muhyi al-dīn di Mawza', Shaykh Ahmad al-Qusyasyi di Madinah dan Shaykh Burhan al-Din Mulla Ibrahim bin Ahmad di Makkah. Manakala di

India, telah menuntut kepada dua orang tokoh ulama iaitu Shaykh Badr al-Din Lahore dan Shaykh ‘Abdu’Llāh Lahore (Wan Mohd Shaghīr Abdullah, 1991: 128-129).

⁵ Syair-syair ini ada dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia, dalam bentuk manuskrip dan mikrofilem. Syair-syair tersebut ialah *Syair ‘Ibadat* MSS 428, *Syair ‘Ibadat* MKM 28, dan *Syair ‘Ibadat* MKM 4870.

⁶ Di Perpustakaan Universiti Leiden, terdapat satu naskhah manuskrip *Syair Ma‘rifat* dengan nama panggilan Oph 78. Manakala di Muzium British, diperkirakan ada sebanyak satu naskhah sahaja. Walau bagaimanapun, mikrofilemnya ada tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur dengan rujukan MKM 649. Naskhah ini mengandungi 306 rangkap syair, iaitu terdiri daripada 42 halaman. Setiap halaman mengandungi 15 baris. Dalam naskhah ini tidak ada sebarang nama penyairnya. PNM sendiri ada tiga naskhah manuskrip *Syair Ma‘rifat*. Teks tersebut dikenal dengan nombor panggilan MS 428, MS 440 dan MS 449. MS 428 mempunyai 40 halaman, iaitu mulai halaman 88 hingga halaman 127. setiap halaman mengandungi 12 baris. Ukuran manuskrip tersebut ialah 19.5 x 15.3sm. Ia mempunyai 235 rangkap syair. MS 440 dan MS 449 adalah sama sahaja, cuma disalin orang yang berbeza. Kedua-dua teks tersebut mengandungi antara 119 hingga 120 rangkap. Kedua-duanya mengandungi 16 halaman. Ukuran teks bagi MS 440 ialah 22 x 18sm, manakala MS 449 ialah 19 x 16sm. *Syair Ma‘rifat* merupakan bahagian kedua dari teks manuskrip MS 440, kerana selain *Syair Ma‘rifat* terdapat juga dalam teks tersebut *Syair Burung Merpati* dan *Syair Nasihat*. Manuskrip *Syair Ma‘rifat* dalam MS 449, adalah bahagian kedua iaitu pada halaman 66 hingga 82. Teks tersebut tidak lengkap berbanding naskhah versi Leiden dan MKM 649. Dalam teks ini tidak ada nama penyair dan penutupnya.

⁷ Pengkaji memperoleh salinan *Syair Ma‘rifat* daripada Universiti Leiden pada tahun 1998 dalam bentuk mikrofilem, melalui pertolongan Prof. Dr. Hashim Musa yang pada waktu itu membuat penyelidikan di Leiden, dan pada waktu sama dibantu Prof. Dato` Dr. Yaacob Harun yang waktu itu memegang Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Leiden. Pada awalnya pengkaji mendapat maklumat syair ini dalam buku Teuku Iskandar (1995: 425-427) dengan nombor panggilan ini, dan kemudian menitipkan pada Prof Dr. Hashim Musa berdasarkan nombor panggilan ini. Ternyata ketika pengkaji menerima salinan mikrofilem Syair ini ditulis nombor rujukannya iaitu Oph 78. Naskhah fizikal Syair Ma‘rifat ini tidak dapat diketahui kerana pengkaji hanya dapat merujuk berdasarkan salinan mikrofilem. Sebenarnya naskhah Oph 78 mengandungi dua bahagian utama. Bahagian pertama adalah peraturan (undang-undang) yang ditetapkan penjajah Belanda di Bukit Tinggi yang ditulis pada 1859. Peraturan tersebut ialah *Peraturan Sekolah Gadang di Bukit Tinggi, Undang-Undang Peraturan Penghulu Dalam Negeri dan Undang-Undang Peraturan Imam Dalam Negeri*. Dalam bahagian kedua selepas peraturan-peraturan yang ditetapkan ialah *Syair Ma‘rifat*. Ia siap disalin pada 28 Januari 1859 jam 7.00 malam, di Bukit Tinggi. Dalam teks ini ada dicatat nama penyairnya iaitu pada akhir puisinya. Ia mengandungi 341 rangkap, dengan 32 halaman, dan dalam setiap halaman mengandungi 24 baris.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Ra`ūf al-Sinkilī, t.t.(a). *Syair ma‘rifat*. OPH No. 78. Leiden: Rijks Universiteit Leiden.
- ‘Abd al-Ra`ūf bin Muhammad ‘Ali Fansūrī, t.t. *Tafsīr Anwār al-Baydāwī*. Bangkok: Maktabah wa Maṭba‘ah Muhammad al-Nahdī wa Awlādahu.
- ‘Abd al-Rahman al-Bar. 2012. “Al-Dā‘iyah. wa al-Masjid.wa al-‘Amal al-Siyāsī” dalam *Mudawwanah Duktūr Abū Marwān* <http://ikhwanwayonline.wordpress.com/2012/01/05/>

- Azyumardi Azra. 2004. *Jaringan ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad XVII & XVIII*. Jakarta: Prenada Media, Edisi Revisi.
- Dāwud bin al-Shaykh ‘Abdu’llah al-Faṭānī, t.th. *al-Durr al-Thamīn*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘ārif Sdn. Bhd.
- H. Mohammad Said. 1981. *Aceh sepanjang abad*. Jil. 1. Medan: P.T. Percetakan dan Waspada.
- Kamus Dewan*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Afif Anshori. 2004. *Tasawuf falsafi Syeikh Hamzah Fansuri*. Yogyakarta: Gelombang Pasang.
- Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. 2000. *Tasawwuf Islam menurut pemahaman ahli sufi di alam Melayu: Analisis pada Syair Ma’rifat*. Disertasi Sarjana Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nafīs ibn Idrīs al-Banjārī, t.th. *al-Durr al-Nafīs fī bayān waḥdat al-Af‘āl wa al-Asmā’ wa al-Ṣifāt wa al-Dhāt dhat al-taqdīs*. Pulau Pinang: Percetakan al-Ma‘ārif Sdn. Bhd.
- Oman Fathurahman. 1999. *Tanbih al-Masyi: Menyoal wahdatul wujud kasus Abdurrauf Singkel di Aceh abad 17*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Peunoh Daly. 1994. *Hukum perkahwinan Islam*. Batu Caves: Thinker’s Library.
- Riddell, Peter. 1990. Transferring a Tradition: ‘Abd al-Ra’uf al-Sinkili’s rendering into Malay of the Jalalayn commentary. *Monograph*. Berkeley: The Cellar Book Shop.
- Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Brunei: Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Brunei Darussalam.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1991. *Khazanah karya pusaka Asia Tenggara*. J. 1. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1996. *Tafsir puisi Hamzah Fansuri dan karya-karya shufi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Biodata Penulis:

Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi

Penulis merupakan Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Bidang pengkhususan beliau ialah filologi dan kesusasteraan Islam.